

# Cabaran Dan Pengalaman Adaptasi Antarabudaya Dalam Kalangan Pelajar Mobiliti Asean

## *The Challenges And Intercultural Adaptation Experience Among ASEAN Mobility Students*

Nur Emieza Binti Saleh,  
<sup>1</sup>Abdul Latiff Ahmad

Pusat Kajian Media dan Komunikasi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>alba@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Kajian ini adalah bagi mengkaji cabaran dan pengalaman adaptasi antarabudaya dalam kalangan pelajar mobiliti ASEAN di UKM, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian, iaitu untuk mengkaji kemampuan pelajar mobiliti ASEAN dalam mengadaptasi budaya dan kehidupan seharian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menganalisis persepsi dan penerimaan pelajar mobiliti ASEAN terhadap budaya masyarakat Malaysia. Teori yang diaplikasikan bagi kajian ini ialah Model Keluk-U yang mengetengahkan empat (4) fasa iaitu bulan madu, kejutan budaya, pemulihan pelarasan. Kaedah perbincangan kumpulan fokus telah digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi menjawab objektif kajian ini. Implikasi kajian kepada model ini menunjukkan proses dinamik yang sejajar dengan proses pengadaptasian dan negara yang dilawati juga memainkan peranan dalam proses ini. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pengalaman antarabudaya mampu memberikan kesan yang positif kepada individu yang melaluinya dalam masa yang singkat sungguhpun menghadapi pelbagai cabaran.*

Kata kunci: Cabaran, Pengalaman, Adaptasi Antarabudaya, Pelajar Mobiliti, ASEAN.

### ABSTRACT

*This research focuses on the challenges and experiences of intercultural adaptation among ASEAN mobility students in UKM, the researcher has outlined several objectives of the study, which are the ability of ASEAN mobility students to adapt to the culture and daily life in the National University of Malaysia (UKM) and to analyze ASEAN mobility students' perceptions and acceptance to the culture of Malaysian society. The theory applied to this study is the U-Curve Model which highlights four (4) phases; honeymoon, culture shock, adjustment and mastery. Focus group discussion methods were used to obtain information to achieve the objectives of this study. The implications of the study on this model show that the dynamic processes in line with the adaptation process and the country visited also play a part in this process. This study has shown that cross-cultural experience can have a positive effect on individuals who pass through it in the term despite various challenges.*

Keywords: Challenges, Experience, Intercultural Adaptation, Mobility Students, ASEAN.

## 1. Pengenalan

Pengantarabangsaan pelajar dari aspek kurikulum di peringkat pendidikan tinggi adalah untuk melahirkan graduan yang berfikiran global (Lavankura, 2013; Spencer-Oatey, 2013; Miles et al, 2018). Rentetan itu, kebanyakan negara berlumba-lumba menghantar pelajar-pelajar mereka terutamanya di institut pengajian tinggi untuk melibatkan diri dengan program pertukaran pelajar pada setiap tahun. Melalui proses ini, para pelajar berpeluang untuk mempelajari hubungan di antara pelbagai budaya, pemerolehan bahasa asing dan pertumbuhan peribadi yang berkekalan.

Pada era globalisasi ini, penghijrahan bukan lagi sesuatu perkara yang asing, namun setiap penghijrahan juga memerlukan seseorang itu untuk mengadaptasi dengan dengan budaya-budaya baru. Globalisasi, migrasi dan adaptasi adalah perkara yang berkait rapat antara satu sama lain. Menurut Gudykunst dan Kim (2003); Akhtar et al. (2015), adaptasi merupakan satu proses penerimaan kepada sesuatu perkara yang baru di mana seseorang individu perlu bersiap sedia untuk diadaptasi kepada perkara yang baru. Di samping itu, menurut Hanieh Varasteh et.al (2014), pada abad dahulu lagi, masyarakat lebih memilih untuk melancong sambil belajar di mana, ianya juga merupakan salah satu aspek dominan dalam menyumbang ekonomi sesebuah negara. Perkara ini mampu memberikan satu pelaburan yang besar oleh negara yang menghantar rakyatnya ke negara lain dengan harapan para pelajar tersebut dapat memberikan sumbangan selepas pulang ke tanah air masing-masing. Oleh disebabkan masyarakat di setiap negara terdiri daripada pelbagai budaya yang berbeza, maka proses adaptasi akan berlaku semasa penghijrahan ke tempat yang baru.

Selain itu, proses penyesuaian dan pengadaptasian yang perlu dilalui oleh para pelajar adalah untuk memastikan bahawa mereka menerima sistem pendidikan di universiti yang baru terutamanya bagi pelajar mobiliti. Tambahan lagi, ianya penting agar para pelajar mampu menangani cabaran yang dihadapi oleh mereka apabila berada di tempat yang baru. Proses adaptasi antarabudaya juga berkait rapat dengan akulturasi dan asimilasi agar pelajar dapat membiasakan diri mereka dan mampu untuk berdikari di negara orang. Menurut Jandt (2010), akulturasi atau adaptasi budaya merupakan sebuah proses pembelajaran individu terhadap norma dan nilai budaya yang baharu, manakala asimilasi pula merujuk kepada penyerahan identiti budaya asal seseorang dan bergerak ke arah penyertaan penuh dalam budaya baru.

## 2. Metod Kajian

Kaedah kajian yang dipilih untuk melakukan penyelidikan ini ialah kualitatif ini menggunakan pendekatan Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*). Pengkaji akan memilih sekumpulan orang di mana mempunyai ciri yang tertentu mengikut kehendak sesebuah kajian tersebut Tujuan perbincangan kumpulan fokus adalah untuk mengumpul maklumat daripada informan berkaitan kajian yang dijalankan. Tambahan lagi, maklumat yang diperolehi melalui perbincangan kumpulan fokus tidak boleh didapati melalui kaedah survei atau temu bual individu. Seramai 12 orang (tiga (3) kumpulan fokus) informan dipilih untuk kajian ini. Ciri-ciri dan kriteria informan adalah pelajar prasiswazah, berasal dari Asia Tenggara, mengikuti program pertukaran pelajar dan menetap sekurang- kurangnya satu semester (tiga hingga empat bulan) di di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

### 3. Dapatan Dan Perbincangan

Dapatan ini menyerlahkan kemampuan pelajar mobiliti dalam mengadaptasi budaya dan kehidupan seharian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga persepsi serta penerimaan pelajar mobiliti terhadap budaya masyarakat Malaysia.

#### 3.1 Adaptasi Berdasarkan Model Keluk-U

Proses adaptasi yang dikaji adalah berpandukan Model Keluk-U yang diperkenalkan oleh Lysgaard dan Gullahorn dan Gullahorn pada awal tahun 1950-an. Model tersebut menyatakan bahawa terdapat empat fasa utama dalam proses adaptasi iaitu i) fasa bulan madu (*honeymoon phase*), ii) fasa kejutan budaya (*culture shock phase*), iii) fasa penyesuaian diri (*adjustment phase*) dan iv) fasa palarasan (*mastery phase*).

Model Keluk-U menunjukkan hasil proses adaptasi antarabudaya pelajar mobiliti Asia Tenggara di Malaysia iaitu sewaktu mereka berasa teruja setelah mereka tiba di Malaysia. Ini telah membuktikan bahawa wujudnya fasa bulan madu terhadap informan kajian ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang tidak merasakan perasaan ini kerana informan merasakan bahawa dirinya sudah terbiasa ke luar negara dan ini bukanlah satu perkara yang asing baginya. Namun, proses adaptasi merupakan satu proses yang berpanjangan dan tidak statik bagi mereka yang sedang melalui fasa tersebut (Gopalkrishnan dan Pulla, 2016). Terdapat informan yang menyatakan bahawa pihak yang mengendalikan kedatangan mereka; UKM Global, telah memberikan hospitaliti yang terbaik dan menyambut mereka dengan tangan terbuka. Ini secara tidak langsung telah mewujudkan pandangan yang positif kepada masyarakat Malaysia.

*2B (K2): "...because I used to it because last year eh not last year. Last two years, I went for student exchange program, in Vietnam and that's why I feel used to it. I didn't feel homesick yeah..."*

Seterusnya, dalam fasa kejutan budaya, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan informan semasa perbincangan tersebut. Menurut Sheng-He Chen (2009), beliau menyatakan bahawa fasa ini selalunya berlaku pada tempoh minggu yang pertama. Beliau menambah lagi, individu yang sedang berada dalam proses adaptasi akan melalui kejutan budaya (*culture shock*) atau krisis penolakan. Namun begitu, terdapat informan yang tidak melalui fasa kejutan budaya secara drastik berbanding informan lain sepanjang menetap di sini. Hujah ini disokong apabila terdapat informan yang menyatakan bahawa dia sudah terbiasa dengan bahasa yang digunakan di sini. Informan yang berasal dari Filipina ini menyatakan bahawa persamaan bahasa Melayu dan Tagalog adalah berdasarkan perkataan dan makna perkataan. Selain itu, terdapat informan yang tidak mengalami fasa ini kerana mereka sudah berpengalaman dan sentiasa mengembara ke luar negara dan ianya juga memudahkan proses adaptasi untuk mereka lalui selepas ini.

*2D (K2): "...when I came here is like umm I mean I feel like I'm used to it. I don't know. Maybe it's your language. Because your language umm has a lot of similarity with our language. We find it very interesting..."*

Antara perkara yang boleh menjadi krisis penolakan adalah perbezaan dari segi komunikasi, bahasa, makanan, tempat tinggal dan cuaca (Mahmud et al., 2010). Contohnya, terdapat informan yang berasa bahawa beliau tidak dapat menyesuaikan dirinya kerana

makanan yang berbeza daripada jangkauan dan beliau menyatakan bahawa makanan yang dimasak adalah kebanyakannya masakan pedas dan ini menjadi salah satu faktor penolakan baginya. Menurut Abdul Latiff (2016), penyesuaian haruslah dilakukan untuk memastikan bahawa penghijrahan tidak kekok atau berasa tidak selesa bagi menyesuaikan diri kerana perbezaan nilai dan budaya tempat baru. Tuntasnya, kita dapat lihat bahawa sekiranya seorang individu dapat mengadaptasi dirinya dengan perbezaan nilai dan budaya di tempat baru, maka penghijrahan dapat dilaksanakan dengan mudah.

*3B (K3): "...umm.. not really, just not okay with the food, because I don't eat spicy. There's a lot of stuff here are spicy so it's a little bit tough..."*

Dalam fasa yang ketiga, iaitu fasa penyesuaian diri, Miles D. et al. (2018), menyatakan bahawa dalam memahami aspek antarabudaya, seseorang itu akan mewujudkan interaksi yang positif walaupun mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi budaya dan nilai. Di sini, wujudnya proses penyesuaian diri, di mana informan akan mula cuba untuk menerima kelainan terutamanya dari segi kemahiran dan persekitaran baru. Terdapat informan yang menyatakan bahawa mereka mampu menerima budaya yang terdapat di sini dengan bantuan rakan-rakan mereka. Selain itu juga, penerimaan dan layanan yang diberikan oleh masyarakat sekeliling mampu membantu mereka sedikit sebanyak untuk proses penerimaan. Menurut Summers M. dan Volet S. (2008), ada mengatakan bahawa apabila wujudnya hubungan di antara tuan rumah dan pelajar antarabangsa, maka mereka berpeluang untuk menelusuri secara lebih mendalam lagi mengenai ilmu antarabudaya. Penguasaan bahasa Inggeris oleh rakyat Malaysia dan pelajar mobiliti mampu membantu dan memudahkan mereka untuk melalui proses adaptasi. Tambahan lagi, ada juga informan yang mula menerima makanan di sini walaupun pada mulanya mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan masakan dari negara lain.

Fasa pelarasan (*mastery*) dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti bahawa tempoh pelarasan seseorang individu dengan budaya dan tempat baharu adalah berbeza. Namun, majoriti informan kajian ini mengambil masa lebih kurang sebulan untuk mengadaptasikan diri mereka di tempat yang baharu. Ia bermula apabila seseorang itu mula rasa selesa sepanjang keberadaan mereka di sini dan boleh menjalani kehidupan seharian mereka tanpa memerlukan daya yang tinggi (Mustapha BA et al, 2019).

*1A (K1): "...so my friend in here are so helpful and sometimes I don't know anything at study err my friend come to me and asked 'may I help you?' umm so nice..."*

Secara keseluruhannya, bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, Model Keluk-U masih lagi relevan untuk digunakan bagi mengkaji proses adaptasi antarabudaya bagi abad ke-21. Walau bagaimanapun, tempoh penginapan seseorang itu juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan kebolehan seseorang untuk mengadaptasi. Tambahan lagi, fasa kejutan budaya tidak semestinya berlaku kepada semua individu yang melalui proses adaptasi antarabudaya. Informan mula menerima kehidupan seharian mereka di sini contohnya dari segi makanan dan bahasa. Walaupun, pada mulanya mereka merasakan sukar untuk mengadaptasi namun selepas beberapa bulan, mereka sudah terbiasa dengan kehidupan di sini. Hal ini disebabkan persamaan budaya dan nilai di antara negara mereka dan Malaysia kerana mereka juga berasal dari rantau yang sama. Tambahan lagi, menurut Abdul Latiff Ahmad (2016), sekiranya pengalaman budaya seharian mereka yang biasa dijalankan di negara asal, maka mereka juga mampu menjalankan budaya tersebut di negara yang mereka kunjungi dan kesan daripada itu juga akan memberi keselesaan kepada mereka untuk beradaptasi di negara yang menetap oleh mereka dengan cepat.

### 3.2 *Pengalaman*

Pelajar-pelajar mobiliti ini sememangnya akan memperoleh banyak pengalaman sepanjang berada di negara asing. Ini termasuklah pengalaman dari sudut positif dan negatif. Dari sudut positif, informan menyatakan bahawa melalui program mobiliti, dia boleh meningkatkan jati dirinya. Hal ini kerana, melalui program ini, seseorang individu dapat memupuk sikap berdikari dan keberanian dalam diri mereka. Walaupun mempunyai rakan-rakan yang sedia membantu, namun pada peringkat awal, mereka perlu bergantung pada diri mereka untuk melakukan sesuatu perkara dan perkara ini disokong dengan kajian yang lepas di mana, Soria dan Torisi (2014) menyatakan dengan menjalankan program mobiliti boleh memberikan banyak maanfaat yang boleh diperolehi oleh pelajar antarabangsa serta tuan rumah yang mengendalikan program tersebut.

*2A (K2): "...One thing that I can enjoy here is the independence. When I can finally have my own independence... So that's why, by being here I think I can have a lot of time building up my own courage, strength and independent to actually do and decide what to do with that by myself..."*

Selain itu juga, informan menyatakan sikap positif rakyat Malaysia yang menolong mereka ketika memerlukan pertolongan telah mewujudkan satu tanggapan yang positif terhadap rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, ada juga informan yang mempunyai pengalaman buruk dengan segelintir sikap masyarakat Malaysia. Sikap yang dimaksudkan adalah stereotaip dan tanggapan umum yang dikenakan kepada pelajar antarabangsa terutamanya kepada mereka yang sering digambarkan dalam media. Dalam konteks ini, terdapat percanggahan pendapat antara informan kajian. Hal ini demikian kerana, perkara ini bergantung kepada budi bahasa individu tersebut dan bukanlah atas faktor-faktor luar. Tambahan lagi, proses pengadaptasian seseorang juga dipengaruhi oleh sikap masyarakat tempatan.

*1D (K1): "...the rest is more towards doing a group work. So hard for me la and my other friend, the Bruneian, because some Malaysian thought that "oh Brunei, rich" and then they just let us like you know macam, you know its like we feel the exclusion... Not just students, also the lecturer.. umm not that nice. It like 'oh youre Bruneian, oh you can afford to buy this right? Its very cheap right?' and after that they are like 'who wants to take this Bruneians, its like no one wants to be in the same group..."*

### 3.3 *Cabaran*

Cabaran merupakan satu perkara yang tidak asing lagi kepada pelajar antarabangsa, termasuklah pelajar mobiliti. Terdapat faktor-faktor luar yang menjadi cabaran kepada informan kajian ini, antaranya ialah dari aspek bahasa, sistem pengajian dan makanan serta cuaca. Menurut Mahmud et al. (2010), pelajar antarabangsa mengalami cabaran dari sudut kesesuaian norma sosial dan perkara asas dalam proses pengadaptasian. Hujah ini sesuai dengan pernyataan yang diberikan oleh informan yang menyentuh aspek bahasa. Informan yang bukan berasal dari Brunei dan Indonesia menyatakan keseukaran mereka dalam memahami bahasa Melayu yang digunakan sebagai bahasa pengantara di negara ini.

*2B (K2): "...like some, when i go to the night market and they speak malay to me, i was like huh? Because i dont understand..."*

Walau bagaimanapun, cabaran dapat ditangani dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai perantara. Mereka berpendapat bahawa ia adalah satu cara yang paling mudah untuk memahami satu perkara. Selain itu juga, mereka menyatakan bahawa masyarakat tempatan juga mudah untuk berinteraksi dalam bahasa Inggeris. Namun, hasil kajian tidak pelajar mobiliti ASEAN tidak menunjukkan kesan yang negatif terhadap cabaran ini, malah mereka mengambilnya untuk mempelajari perkara baharu. Sekiranya mereka gagal, menurut Olivias dan Li (2006), pembatasan melalui perbezaan bahasa mahupun slanga boleh menyebabkan punca tekanan utama.

Menurut Lee et al. (2017) salah satu sebab pelajar antarabangsa memilih Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tinggi adalah penggunaan bahasa Inggeris yang terdapat di institusi pengajian tinggi di sini. Dalam isu ini, cabaran yang diketengahkan adalah sistem pengajian kerana sistem tersebut jauh berbeza daripada negara asal mereka. Dalam proses adaptasi, sistem pendidikan juga adalah proses yang menentukan pengadaptasian berjalan lancar ataupun tidak. Kajian ini mendapati terdapat segelintir dari mereka yang mengalami cabaran kerana wujud salah faham dari segi komunikasi dan penyampaian informasi yang tidak sampai kepada mereka.

Akhir sekali jika dilihat dari aspek makanan dan masakan di Malaysia, ada diantara informan yang mendapati sukar untuk menerima makanan yang terdapat di sini. Hal ini kerana, mereka beranggapan bahawa makanan di sini adalah berbeza dari negara asal mereka. Reaksi yang sama juga apabila disoal tentang aspek cuaca namun, tidak kesemua informan yang menganggap ini sebagai satu cabaran kerana, makanan dan cuaca bagi sesetengah mereka adalah lebih kurang sama dengan negara asal mereka memandangkan informan adalah berasal dari satu rantau yang sama.

### **3.4 Persepsi dan penerimaan pelajar mobiliti terhadap budaya masyarakat Malaysia.**

Secara amnya, majoriti informan boleh menerima dan mempunyai persepsi yang baik terhadap budaya masyarakat Malaysia. Keunikan Malaysia yang dipaparkan pada masyarakat dunia telah mendapat perhatian pelajar mobiliti ASEAN. Walaupun mereka menyatakan bahawa mereka sudah mempelajari tentang Malaysia di dalam subjek sejarah di negara mereka, namun pengetahuan mereka mengenai aspek sosial dan budaya di Malaysia adalah tidak begitu mendalam.

*2C (K2): "...oh in a relation of the food in southeast asia, Filipino food are different. Its blend. I mean southeast asian food, genereally like more spicy, salty more exploding taste. But in philippines we are just like put broth in the meat, or sauce in the meat something like that..."*

Selepas para pelajar ini tiba di destinasi, mereka mendapati banyak perkara yang sangat berbeza dan Malaysia mempunyai keunikan yang ingin mereka terokai dari segi masakan, cara makan sehinggalah ke budaya yang diamalkan oleh masyarakat. Seorang informan berasa terkejut apabila melihat cara makan rakyat Malaysia yang menggunakan tangan kerana beliau tidak pernah melihat perkara tersebut dan menganggap bahawa ianya satu perkara yang kotor. Selain itu, dalam aspek makanan, informan memberitahu bahawa makanan di negara ini adalah berbeza berbanding dengan makanan di negara asalnya. Menurut satu kajian yang lepas, Mohd Hairi et al. (2009), kombinasi bahan-bahan dan rasa dari pedas ke manis telah menyebabkan banyak pelancong suka akan makanan di negara ini. Perkara ini telah mewujudkan budaya makanan di Malaysia.

Penggunaan slanga seperti ‘-lah’ di kalangan rakyat Malaysia juga telah dianggap sebahagian dari budaya masyarakat di sini. Mereka mendapati bahawa penambahan perkataan di hujung ayat seperti ‘-lah’ dan ‘-mah’ adalah satu perkara yang asing bagi mereka dan sangat menarik. Menurut Ang et al. (2015) keunikan masyarakat Malaysia jelas dilihat apabila penggunaan slanga seperti ‘-lah’, diterima dan difahami oleh semua masyarakat walaupun mereka cakna bahawa itu bukanlah satu bahasa yang mengikut piawai. Selain itu, kebolehan masyarakat Malaysia untuk memahami bahasa selain bahasa ibunda mereka seperti masyarakat Melayu yang boleh menggunakan bahasa Mandarin atau Tamil dalam perbualan, juga telah menarik perhatian mereka. Di sini dapat menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia adalah bersifat terbuka dan fleksibel.

*2D (K2): “...oh theres one more thing that is interesting for me haha. So in my class there are like mixed ethnicity. And there’s one instance that one of my classmates asked another classmate in Malay and that classmate answer to her in Chinese and then they understand each other perfectly. Theres no need to translate...”*

Memandangkan Malaysia adalah sebahagian dari Asia, maka tidak hairanlah sekiranya nilai-nilai Asia dipraktikkan di negara ini. Nilai Asia yang amat terkenal dengan kesantunannya boleh dilihat pada masyarakat Malaysia. Terdapat informan yang merasakan bahawa, masyarakat di rantau ini adalah lebih beradab berbanding di negara barat kerana masyarakat sini lebih sensitif. Baba Gurol (2016) menyatakan bahawa nilai-nilai Asia telah memberi impak positif kepada noma sosial di Malaysia.

Di sini dapat disimpulkan bahawa budaya masyarakat Malaysia terbentuk atas beberapa faktor seperti makanan, bahasa dan tingkah laku. Secara tidak langsung ia telah mewujudkan seperti satu identiti kepada rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, persepsi pelajar mobiliti ASEAN terhadap perkara ini adalah mereka bersifat terbuka untuk mempelajari dan mencuba sesuatu perkata baru di luar zon selesa mereka.

*2A (K2): “...we also have one other thing in common like the attitude of saving face. I think we are more polite when most of the time when problems, troubles happened we dont really shout at each other and yeah so we find another space to talk with that person...”*

#### **4. Kesimpulan**

Melalui Model Keluk-U, pengkaji dapat lihat proses yang dinyatakan dalam keluk tersebut; fasa bulan muda, fasa kejutan budaya, fasa penerimaan dan fasa pelarasan, dilalui oleh para pelajar mobiliti ASEAN sepanjang berada di Malaysia selama satu semester. Berdasarkan analisis perbincangan yang dibuat, fasa bulan madu mula dilalui oleh informan sebelum sampai ke negara ini lagi. Selain itu, terdapat perbezaan pendapat mengenai fasa kejutan budaya. Ada diantara informan yang melaluinya, juga terdapat informan yang tidak mengalaminya secara drastik yang disebabkan oleh sebab-sebab tertentu.

Semasa berada di sini, informan tidak lari dari mengalami masalah dalam menyesuaikan diri mereka sepanjang berada di sini. Faktor utama yang menjadi cabaran adalah seperti bahasa, makanan, cuaca juga sistem pendidikan di sini. Namun, pada masa yang sama, mereka juga memperoleh pengalaman yang pelbagai, ini termasuklah positif dan juga negatif. Selain itu, persepsi mereka terhadap budaya di Malaysia juga dibincangkan dalam bab ini iaitu dari aspek (i) makanan, (ii) bahasa, (iii) bangsa dan agama dan (iv) tingkah laku.

## Rujukan

- Abdul Latiff Ahmad, Salma Ali, Ali Salman & Sabariah Mohamed Salleh. (2016). Adaptasi Antarabudaya Pelajar Nigeria di Malaysia. *Jurnal Komunikasi* 32(2):105-120.
- Akhtar, N., Pratt, C. B., & Bo, S. (2015). Factors in the cross-cultural adaptation of African students in Chinese universities. *Journal of Research in International Education*, 14(2), 98-113.
- Baba, G. (2016). Regional Commonalities and Regional Identities: Forging a Normative Understanding of Southeast Asian Identity. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 35(1), 91-121.
- Gopalkrishnan, N., & Pulla, V. (2016). Beyond cultural competence: Working across cultures in a globalized world. In *The Lhotsampa People of Bhutan* (121-143). Palgrave Macmillan, New York.
- Jandt, F., (2010). Introduction to Cross-Cultural Communication, Sage, California. 127- 148.
- Lee, S., Nguyen, H. N., Lee, K.-S., Chua, B.-L., & Han, H. (2017). Price, people, location, culture and reputation: determinants of Malaysia as study destination by international hospitality and tourism undergraduates. *Journal of Tourism and Cultural Change*, 1–13.
- Lysgaard, S. (1955). Adjustment in a Foreign Society: Norwegian Fulbright grantees visiting the United States. *International Social Science Bulletin* 7(1): 45-51
- Mahmud, Z., Amat, S., Rahman, S., & Ishak, N. M. (2010). Challenges for international students in Malaysia: Culture, climate and care. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 7, 289-293.
- Miles, D., Harris, N., & Dhephasadin Na Ayudhaya, P. (2019). Stepping Forward to Learn: Thai Students Reflect on Hosting Australian International Exchange Students. *Journal of Studies in International Education*, 23(2), 217-233.
- Mohamad, A. N. A., Haniffa, M. A., Mohamad, W. N. A. M. A., & Salleh, A. R. (2019). The History of Collaboration among the Pluralistic Society of Malaysia. *Journal of Humanities and Social Sciences invention*, 1(1), 31-36.
- Sheng-He Chen. (2009). A study of International Students' Life Situation- a case study of the international students in University of Twente. Tesis Sarjana, University of Twente.
- Soria, K. M., & Torisi, J. (2014). Internationalization at home alternatives to study abroad: Implications for students' development of global, international, and intercultural competencies. *Journal of studies in international education*, 18(3), 261-280.
- Summers, M., & Volet, S. (2008). Students' attitudes towards culturally mixed groups on international campuses: impact of participation in diverse and non-diverse groups. *Studies in higher education*, 33(4), 357-370.
- Varasteh, H., Marzuki, A., & Rasoolimanesh, S. M., (2015). Factors affecting international students' travel behavior. *Journal of Vacation Marketing*, 21(2), 131-149.